



جایتن اکام اسلام فیراچ  
JABATAN AGAMA ISLAM PERAK  
TINGKAT 3, KOMPLEKS ISLAM DARUL RIDZUAN  
JALAN PANGLIMA BUKIT GANTANG WAHAB  
30000 IPOH, PERAK DARUL RIDZUAN

Tel. : 05-208 4800  
Faks : 05-255 5512  
E-mail : jaipk@perak.gov.my

Pengerusi Jawatankuasa Kariah  
Masjid dan Surau Diri Jumaat, Seluruh  
Negeri Perak Darul Ridzuan

YABhg. Dato' Seri/YBhg. Dato'/Tuan,

Ruj. Kami: Bil (48) JAIPk/BPM/42/2 Jld 1

Tarikh : 25 Rabiulawal 1443  
01 November 2021

**KEBENARAN SOLAT FARDU DAN SOLAT JUMAAT BAGI WARGA ASING DAN KANAK-KANAK DI MASJID, SURAU DIRI JUMAAT DAN SURAU NEGERI PERAK DARUL RIDZUAN SEPANJANG TEMPOH PELAN PEMULIHAN NEGARA BERFASA**

Dengan segala hormat dan takzimnya perkara di atas adalah dirujuk.


2. Sukacita saya ingin menarik perhatian YABhg. Dato' Seri/YBhg. Dato'/Tuan terhadap aktiviti di masjid dan surau yang boleh diadakan sepanjang tempoh Pelan Pemulihan Negara Berfasa di negeri Perak Darul Ridzuan yang berkuat kuasa pada **02hb November 2021**.
3. Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Sultan Perak Darul Ridzuan, Sultan Nazrin Muizzuddin Shah ibni alMarhum Sultan Azlan Shah Muhibbuddin Shah al-Maghfur-Lah memberi perkenan berikut:-
  - 3.1 Memberi kebenaran kepada warga asing untuk melaksanakan solat fardu dan solat Jumaat di masjid dan surau dengan syarat mereka telah mengambil 2 dos vaksin (Pfizer, AstraZeneca dan Sinovac) dan melepas 14 hari selepas dos kedua; atau 1 dos vaksin bagi (Cansino, Maderna dan Johnson & Johnson) dan melepas 28 hari selepas dos pertama itu. Mereka juga hendaklah mematuhi semua syarat-syarat lain seperti mana jemaah warganegara tempatan.
  - 3.2 Membenarkan semua aktiviti pengajian dan pengimaranan di masjid dan surau dilaksanakan seperti Program Sambutan Maulidur Rasul, Sambutan Maal Hijrah dan Program Berkhatan dan peserta luar kariah dalam negeri Perak juga dibenarkan untuk menyertainya. Penganjuran program tersebut hendaklah mematuhi Garis Panduan yang telah ditetapkan oleh Jabatan Agama Islam Perak dan Majlis Keselamatan Negara.
  - 3.3 Membenarkan kanak-kanak berusia 12 tahun ke atas menuaike solat fardu dan solat Jumaat di masjid dan surau.
  - 3.4 Membenarkan pintu masjid dibuka sepanjang solat dan selepas solat.
4. Selain itu, aktiviti membaca al-Quran dibenarkan menggunakan al-Quran masjid dan surau.

5. Sehubungan dengan itu, dipohon pihak YABhg. Dato' Seri/YBhg. Dato'/Tuan agar dapat mematuhi pekeliling ini dan garis panduan yang sedia ada bagi mengurangkan risiko penularan wabak penyakit, menetapkan langkah-langkah pencegahan dan keselamatan bagi memastikan kesihatan awam tidak terjejas.

Sekian, terima kasih.

**"WAWASAN KEMAKMURAN BERSAMA 2030"**  
**"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"**

Saya yang menjalankan amanah,



**(DATO' HAJI MOHD YUSOP BIN HAJI HUSIN)**

Pengarah,  
Jabatan Agama Islam Perak.

 myusop@perak.gov.my  
 .05-2084800 / (F) 05-2555512

S.k Yang Dipertua, Majlis Agama Islam dan Adat Melayu Perak  
Orang Besar Jajahan Daerah  
Pegawai Tadbir Agama Daerah  
Fail Timbul